



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

12 APRIL 2023 (RABU)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

12 APRIL 2023 (RABU)

KPDN agih Bakul Rahmah kepada pemandu, penghantar Grab

PETALING JAYA — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) menyalurkan Bakul Rahmah kepada rakan pemandu dan penghantar Grab yang aktif.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, inisiatif itu adalah sebagai tanda penghargaan di atas usaha dan dedikasi golongan berkenaan kepada rakyat.

Katanya, seiring dengan program Payung Rahmah untuk meringankan beban kos sara hidup, sumbangan tersebut adalah sebahagian daripada kempen 'Raya Lagi Mantap' di bawah 'Grab-Benefits' khusus untuk rakan pe-

mandu dan penghantar.

"Program GrabBenefits ini tertumpu kepada kebaikan rakan pemandu dan penghantar berdasarkan perlindungan, penjimatan dan akademik.

"Sebagai contoh, setiap Bakul Rahmah yang ditaja oleh Jaya Grocer dan Grab Malaysia mengandungi keperluan memasak dan barang Hari Raya selaras dengan elemen Penjimatan Grab-Benefits.

"Ini akan membantu rakan pemandu dan penghantar berjimat, termasuk diskaun khas pelbagai barang dan perkhidmatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada

sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Bakul Rahmah Sumbangan Grab Malaysia di Grab Driver Centre, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, sumbangan tersebut diedarkan kepada 50 wakil yang akan diperluaskan kepada rakan pemandu dan penghantar mereka.

"Saya mengalu-alukan usaha syarikat Grab Malaysia dan Jaya Grocer, yang menyediakan kemudahan penjimatan.

"Selain itu, program holistik seperti GrabBenefits ini jelas memberi manfaat besar kepada rakan-rakan Grab," tambah beliau.



SALAHUDDIN (tengah) bergambar kenangan selepas menyampaikan sumbangan Bakul Rahmah kepada pemandu dan penghantar Grab di Petaling Jaya semalam.



SAMSUDIN (dua dari kiri) menunjukkan barang tiruan yang dirampas dalam serbuan ke atas empat premis di Jalan Kenanga, Rabu lalu.

Rampasan di empat buah premis bernilai RM250,000 **8,511 baju, seluar jenama tiruan disita**

Dleh AZMI NORDIN

KUALA LUMPUR — Sebanyak 3,511 barang terdiri daripada baju dan seluar berjenama tiruan bernilai RM250,000 disita hasil serbuan ke atas empat premis pemberong di Jalan Kenanga di sini Rabu lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN), Ariffin Samudin berkata, serbuan dibuat bersama wakil cap dagangan itu adalah hasil risikan selama dua minggu.

Katanya, kesemua pemberong ini disyaki menjadi pembekal utama kepada pemberong serta peruncit di sekitar ibu negara, malah turut menghantar bekalan

kepada peniaga di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

"Premis berkenaan dimiliki oleh individu tempatan tetapi peniaga sebenar adalah warga asing yang hanya menggunakan nama warga tempatan bagi mendapatkan lesen. Warga tempatan itu akan dibayar gaji pada setiap bulan."

"Perniagaan yang berusia lebih daripada dua tahun ini sering menukar modus operandi bagi mengelak dikesan dan kita turut menahan tiga pekerja warga asing bagi membantu siasatan kes," katanya pada sidang akhbar di Stor Eksibit KPDN di Segambut, di sini semalam.

Dalam pada itu, Ariffin memaklumkan kesemua bekalan

pakaian ini diperolehi dari luar negara untuk dijual kepada orang ramai sempena Hari Raya Aidilfitri.

Tambahnya, hasil pemeriksaan mendapati seluar dan baju berjenama yang diperolehi pada harga kos RM10 hingga RM50 seunit akan dijual pada harga bongsu RM20 hingga RM80 seunit.

"Manakala peniaga runcit menjualnya pada harga RM40 sehingga RM150 seunit bergantung kepada kualiti barangannya."

Katanya, siasatan dilakukan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).



PENGUAT KUASA KPDN melihat peralatan digunakan sindiket seleweng diesel subsidi di Sungai Petani baru-baru ini.

Dua premis seleweng diesel bersubsidi RM579,050 diserbu

PUTRAJAYA — Satu kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi tumpas hasil serbuan di dua lokasi sekitar kawasan Perusahaan Sungai Lalang di Sungai Petani, Kedah.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Datuk Azman Adam berkata, serbuan hasil risikan selama sebulan ke atas premis disyaki stor penyimpanan dan pemindahan diesel bersubsidi.

"Dalam serbuan di lokasi pertama, sejumlah 3,000 liter diesel

ditemui dalam sebuah tangki bersama beberapa peralatan lain yang digunakan untuk kegiatan penyelewengan bahan bakar itu," katanya.

Tambahnya, dalam serbuan kedua, enam individu tempatan berusia antara 24 hingga 49 tahun ditahan ketika memindahkan diesel daripada sebuah lori ke dalam tangki lain.

"Modus operandi dilakukan adalah menggunakan lori tangki membawa bahan kimia untuk mengaburi pihak berkuasa dan orang awam.

"Hasil pemeriksaan lanjut ke atas premis itu telah menemui sejumlah 28,000 liter minyak diesel serta beberapa peralatan lain digunakan untuk kegiatan penyelewengan," jelasnya.

Kesemua nilai rampasan kira-kira RM579,050.

Menurutnya, kertas siasatan telah dibuka di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 bagi mengenal pasti individu atau syarikat terlibat serta rantaian pengedaran termasuklah sumber minyak diesel diperolehi dan dieldarkan.

Produk pelbagai jenama tiruan dirampas

Kesemua stok tersebut adalah untuk jualan sempena Aidilfitri

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
KUALA LUMPUR

Sebanyak 8,511 unit barang tiruan pelbagai jenama bernilai kira-kira RM250,000 dirampas meruas serbuan di empat premis di Jalan Kenanga, di sini pada Rabu lalu. Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, serbuan dilakukan bersama wakil pemilik cap dagangan itu hasil risikan yang dijalankan selama dua minggu.

"Kita turut menahan tiga pekerja warga asing bagi membantu siasatan dan hasil maklumat bekalan pakaian disyaki



Ariffin (dua dari kiri) menunjukkan pakai jenama tiruan yang dirampas.

tiruan itu diperoleh dari luar negara.

"Kesemua stok tersebut adalah untuk jualan kepada orang ramai sempena Aidilfitri," katanya pada sidang akhbar di sini pada Selasa.

Menurut beliau, kesemua premis itu dapat turut menjual pakaian tiruan berjenama secara dalam talian kepada pelanggan.

"Pakaian itu diperoleh pada harga kos

antara RM10 hingga RM50 seunit dan dijual pada harga borong iaitu RM20 hingga RM80 seunit, manakala peniaga runcit akan menjual pada harga RM40 sehingga RM150 seunit bergantung kepada kualiti barang.

"Kesemua pemborong ini disyaki menjadi pembekal utama kepada pemborong dan peruncit di sekitar Kuala Lumpur serta menghantar bekalan kepada peniaga di seluruh Malaysia," katanya.

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) menggempur empat premis dan merampas pakalan jenama tiruan bernilai RM250,000 dalam operasi di Jalan Kenanga, di sini, 5 April lalu.

Pengarah KPDN Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, premis itu dikendalikan warga Bangladesh sejak dua tahun lalu menggunakan lesen atas nama warga tempatan yang dibayar upah bulanan.

Menurutnya, dianggarkan setiap bulan penama lesen terabit dibayar sekitar RM2,000 ke RM3,000 sebagai imbuhan menggunakan nama mereka untuk premis terbabit beroperasi.

"Hasil pemeriksaan, pasukan serbu menyita 8,511 unit barang-barang disyaki tiruan terdiri daripada baju dan seluar berjenama.

"Kesemua premis pemborong ini juga didapati menjual pakaian



ARIFFIN (dua dari kiri) bersama anggotanya menunjukkan antara pakalan tiruan yang dirampas.

Gempur 4 premis jual pakaian jenama tiruan

berjenama tiruan secara talian kepada pelanggan di seluruh Malaysia," katanya pada sidang media di Stor Eksibit KPDN Kuala Lumpur, Segambut, semalam

Ariffin berkata, pihaknya menahan tiga suspek warga asing bagi membantu siasatan.

Katanya, hasil soal siasat mendapati pakaian berkenaan dibawa

masuk melalui jalan laut dari luar negara untuk dijual sempena Aidilfitri.

"Seluar dan baju berjenama ini diperoleh pada harga kos RM10

hingga RM50 seunit serta akan dijual pada harga borong iaitu RM20 hingga RM80 seunit.

"Manakala peniaga runcit akan menjual pada harga RM40 sehingga RM150 seunit bergantung kepada kualiti barang," katanya.

Beliau berkata, bagi mengelak di kesan pihak berkuasa, sindiket membawa masuk pakaian kosong tidak berlogo cap dagang dan akan dijahit atau ditampal ahli sindiket di Malaysia sebelum dijual semula ke pasaran tempatan.

"Kami akan turut menyiasat kesemua pihak yang terbabit di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATPUAA 2001).

"KPDN menyeru orang ramai supaya tidak terbabit dalam urus niaga barang tiruan serta tidak berhubah dengan membeli barang tiruan daripada peniaga tidak bertanggungjawab," katanya.



VIDEO memaparkan pertikaman lidah antara pelancong dan seorang tukang gunting di Bukit Bintang.

CAJ GUNTING RAMBUT RM120 KEPADA WARGA ASING

Premis tak salah jika pamer tanda harga

Oleh Mohd Haris Fadli
Mohd Fadzil
harisfadli@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) siasat dakwaan dua pelancong mendakwa dicaj sehingga RM120 di sebuah kedai gunting rambut di sekitar Bukit Bintang, di sini.

Pengarah KPDN Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, pihaknya sudah memulakan siasatan berhubung perkara itu semalam.



Contohnya kalau dia letak harga untuk warga asing RM1,200 sekalipun pelanggan perlu bayar harga itu... dengan syarat dia kena letak dengan jelas tanda hargalah"

Ariffin Samsudin

"Kami akan siasat dahulu kerana premis tidak menyalahi sebarang peraturan, sekiranya dia letak tanda harga

dengan jelas untuk perkhidmatannya.

"Contohnya kalau dia letak harga untuk warga asing RM1,200 sekalipun pelanggan perlu bayar harga itu... dengan syarat dia kena letak dengan jelas tanda-hargalah," katanya ketika ditemui di Stor Eksibit KPDN Kuala Lumpur Sentul, di sini.

Menurutnya, kenyataan lebih lanjut akan dikeluarkan selepas siasatan berhubung kejadian itu selesai dijalankan.

Kejadian itu tular selepas pasangan dipercaya dari England berkenaan memuat

naik satu video berdurasi dua minit 15 saat di TikTok memaparkan pertikaman lidah antara mereka dan seorang tukang gunting warga asing.

Dalam video itu, pasangan terbabit mendakwa bertanya kepada beberapa warga tempatan yang menyatakan harga untuk memotong rambut sepatutnya tidak lebih daripada RM50.

Susulan itu, tukang gunting terbabit cuba menjelaskan bahawa kadar harga itu hanya untuk warga tempatan kerana golongan itu tidak dikenakan cukai seperti pelancong asing.

Weekly chicken, egg price hike complaints in Sandakan

KOTA KINABALU: Traders have been warned not to bump up prices of essential goods with the Hari Raya Aidilfitri festive period approaching, says the Domestic Trade and Costs of Living Ministry.

Its district chief enforcement officer Azdy Zukkry John @ Azdy Zukkry Abdullah

said this was after complaints were received by its Sandakan office in eastern Sabah almost on a weekly basis.

"We wish to remind traders not to sell their goods above the ceiling price.

"And sellers must also make it a point to display the prices properly for the benefit

of consumers," he told reporters yesterday.

Azdy said that they started working with the Sandakan Department of Veterinary Services yesterday at two markets in the district. This was done in response to complaints about the price increases, especially for whole chickens and eggs.

RM120 haircut claim under probe

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry will look into a foreign tourist's allegation that he was charged RM120 for a haircut in a barber shop in Bukit Bintang here.

Its minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said if the allegation is true, stern action will be taken against the barber as the matter violated the Price Control and Anti-profiteering Act 2011.

"We are always advising that all traders must abide (by regulations) and ensure that services provided to Malaysians or foreigners must be reasonable. They must not over-charge or make excessive profits."

The incident was widely circulated on social media after a couple from England uploaded a two-minute and 15 second video on TikTok showing them engaged in a dispute with a barber after being charged RM120 for a haircut.

On Mydin hypermarket managing director Datuk Ameer Ali Mydin reprimanding Menu Rahmah traders over their mentality of asking the government for subsidies, Salahuddin said the government would continue its study on providing incentives to traders after Aidilfitri. - Bernama



KERATAN AKHBAR (AGENSI KPDN)

12 APRIL 2023 (SELASA)

Suruhanjaya Syarikat Malaysia santuni golongan kurang berasib baik menjelang Aidilfitri

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI SHAH ALAM

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menyantuni golongan yang kurang berasib baik dengan memberikan sumbangan wakalah zakat korporat dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) berjumlah RM75,000.

SSM dalam satu kenyataan berkata, penerima sumbangan itu ialah Rumah Bakti Al-Kausar, Pertubuhan Veteran Awam Malaysia, Persatuan Kebajikan Bekas Anggota Skuad 69 Polis Diraja Malaysia, Surau Nur Muhtadin dan Sekolah Kebangsaan Bukit Bandaraya.

"Pemberian sumbangan itu bertujuan untuk meringankan beban golongan yang kurang



Salahuddin menyampaikan sumbangan kepada kanak-kanak yang menghadiri Majlis Berbuka Puasa SSM di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur pada Isnin.

berkemampuan untuk meraih hari raya yang akan tiba tidak lama lagi," jelas kenyataan itu.

Pada Isnin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN),

Datuk Seri Salahuddin Ayub telah menyampaikan sumbangan itu semasa Majlis Berbuka Puasa SSM Tahun 2023 yang berlangsung di Menara SSM@ Sentral, Kuala Lumpur.

Salahuddin turut meluang-



Salahuddin (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada wakil penerima dari Rumah Bakti Al-Kausar (tiga dari kanan).

kan masa beramah mesra dengan penerima sumbangan yang hadir dan menikmati juadah berbuka puasa bersama mereka.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Timbalan

Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna) KPDN, Datin Roszanina Wahab, Pengerusi SSM, Ahmad Sabki Yusof, dan Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz.

SSM sumbang zakat, CSR RM75,000



MEDIA ONLINE (KPDN)

12 APRIL 2023 (RABU)

BERITA ONLINE BERTARIKH 12 APRIL 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
12-Apr	KPDN rampas hampir 9,000 pakaian tiruan bernilai rm250,000	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2180711	BERNAMA
12-Apr	8,511 barang tiruan milik ‘tauke’ warga asing	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/8511-barang-tiruan-milik-tauke-warga-asing-disita-kpdn/	UM
12-Apr	KPDN siasat dakwaan pelancong dicaj RM120 gunting rambut	https://www.kosmo.com.my/2023/04/11/kpdn-siasat-dakwaan-pelancong-dicaj-rm120-gunting-	KOSMO
12-Apr	Kos sara hidup terus jadi tumpuan kerajaan - Rafizi	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kos-sara-hidup-terus-jadi-tumpuan-kerajaan-rafizi-	ASTROAWANI
12-Apr	Aktiviti seleweng minyak diesel di Sungai Petani tumpas	https://malaysiagazette.com/2023/04/11/aktiviti-seleweng-minyak-diesel-di-sungai	MALAYSIAGAZETTE
12-Apr	DAGING IMPORT Tiada Kenaikan Harga - KPDN	https://youtu.be/QfXBozVmsyo	BULETITNTV3
12-Apr	Ministry investigating foreign tourist paying RM120 for haircut	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/04/898549/ministry-investigating-foreign-tourist-paying-rm120-haircut	NST
12-Apr	KPDN probing tourist's alleged RM120 haircut	https://www.thesundaily.my/local/kpdn-probing-tourist-s-alleged-rm120-haircut-MM10856921	THESUNDAILY
12-Apr	KPDN rancang wujud pangkalan data gerai Menu Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/04/1088784/kpdn-rancang-wujud-pangkalan-data-gerai-menu-rahmah	BH
12-Apr	KPDN salur Bakul Rahmah kepada pemandu, pengantar Grab	https://www.kosmo.com.my/2023/04/11/kpdn-salur-bakul-rahmah-kepada-80000-pemandu-pengantar-grab/	KOSMO

12-Apr	KPDN cadang wujud direktori peniaga Menu Rahmah	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1088790/kpdn-cadang-wujud-direktori-peniaga-menu-rahmah?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp	BH
12-Apr	KPDN cadang wujud direktori peniaga tawar Menu Rahmah - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-cadang-wujud-direktori-peniaga-tawar-menu-rahmah-salahuddin-415055%3famp=1	ASTROAWANI
12-Apr	KPDN Nafi berlaku kenaikan harga barang asas yang mendadak	https://www.astroawani.com/video-malaysia/kpdn-nafi-berlaku-kenaikan-harga-barangan-asas-yang-mendadak-2017934	ASTROAWANI
12-Apr	Tiada aduan kenaikan harga bahan mentah kuih raya - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/04/1088763/tiada-aduan-kenaikan-harga-bahan-mentah-kuih-rayasalahuddin	BH
12-Apr	Cadangan penambahaikan Payung Rahmah, biarlah kementerian buat kajian menyeluruh - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/cadangan-penambahbaikan-payung-rahmah-biarlah-kementerian-buat-kajian-menyaluruh-salahuddin-414999%3famp=1	ASTROAWANI
12-Apr	KPDN cadang wujud direktori peniaga Menu Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/254051	SH
12-Apr	KPDN cadang wujud direktori peniaga Menu Rahmah	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/nasional/61426-kpdn-cadang-wujud-direktori-peniaga-menu-rahmah	BERITARTM
12-Apr	KPDN siasat dakwaan pelancong dicaj RM120 untuk gunting rambut	https://m.malaysiakini.com/news/661833	MALAYSIAKINI

12-Apr	KPDN Jalankan Siasatan Selepas Pelancong Dakwa Dicaj RM120 Untuk Servis Potong Rambut	https://www.google.com/amp/s/www.buzzkini.com/trending/2023/04/11/pelancong-dakwa-dicaj-rm120-untuk-servis-potong-rambut-kpdn-jalankan-siasatan/amp%3futm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=pesancong-dakwa-dicaj-rm120-untuk-servis-potong-rambut-kpdn-jalankan-siasatan	BUZZKINI
12-Apr	KPDN siasat dakwaan pelancong dicaj rm120 untuk gunting rambut	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2180744	BERNAMA
12-Apr	KPDN probing tourist's alleged RM120 haircut	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2180770	BERNAMA
12-Apr	Clip or gyp: Ministry probing tourist's alleged RM120 haircut	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/04/11/clip-or-gyp-ministry-probing-tourist039s-alleged-rm120-haircut	THESTAR
12-Apr	Salahuddin: Domestic Trade Ministry probing tourist's alleged RM120 haircut in Bukit Bintang	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/04/11/salahuddin-domestic-trade-ministry-probing-tourists-alleged-rm120-haircut-in-bukit-bintang/64280	MALAYMAIL
12-Apr	Salahuddin: 901 registered Ramadan bazaar traders nationwide offer Menu Rahmah to date	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/04/11/salahuddin-901-registered-ramadan-bazaar-traders-nationwide-offer-menu-rahmah-to-date/64321	MALAYMAIL
12-Apr	KPDN siasat dakwaan pelancong dicaj RM120 untuk gunting rambut	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/437534	THEMALAYSIANINSIGHT
12-Apr	KPDN rancang wujud pangkalan data gerai Menu Rahmah	https://youtu.be/r_n9aRo1iKA	BULETITNTV3

12-Apr	KPDN takes action against Bukit Bintang barber shop that charged 'foreigner tax for haircut	https://worldofbuzz.com/kpdn-takes-action-against-bukit-bintang-barber-shop-that-charged-foreigner-tax-for-haircut/	WORLDBUZZ
12-Apr	Fuziah says Ramadan programme saved more than 18 tonnes of food	https://www.themalaysianinsight.com/s/437566	THEMALAYSIANINSIGHT
12-Apr	MYSaveFood Ramadan: Lebih 18 tan makanan, minuman diselamatkan - Fuziah Salleh	https://twitter.com/bernamadotcom/status/1645782720428253187?s=48&t=3odrxIzOcrxB73KCpcrDKw	TWITTER
12-Apr	MYSaveFood Ramadan: Lebih 18 tan makanan, minuman diselamatkan - Fuziah Salleh	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2180876	BERNAMA
12-Apr	Lebih 18 tan makanan, minuman diselamatkan di bazar Ramadan se-luruh negara	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-18-tan-makanan-minuman-diselamatkan-di-bazar-ramadan-se-luruh-negara-415060	ASTROAWANI
12-Apr	MYSaveFood Ramadan: Over 18 tonnes of food, drink saved, distributed to needy nationwide, says Fuziah	https://newswav.com/article/mysavefood-ramadan-over-18-tonnes-of-food-drink-saved-distributed-to-needy-A2304_sLFPXh	NEWSWAV
12-Apr	MYSaveFood Ramadan: Over 18 tonnes of food, drink saved, distributed to needy nationwide, says Fuziah	https://headtopics.com/my/mysavefood-ramadan-over-18-tonnes-of-food-drink-saved-distributed-to-needy-nationwide-says-fuzia-37815429	HEADTOPICS
12-Apr	MYSaveFood Ramadan: Over 18 tonnes of food, drink saved, distributed to needy nationwide, says Fuziah	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2180877	BERNAMA
12-Apr	18 tan lebihan makanan bazar Ramadhan	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/18-tan-lebihan-makanan-bazar-ramadan-tidak-terjual/	UM
12-Apr	MYSaveFood Ramadan: Lebih 18 tan makanan, minuman diselamatkan – Fuziah	https://malaysiagazette.com/2023/04/11/mysavefood-ramadan-lebih-18-tan-makanan-minuman-diselamatkan-fuziah/	MALAYSIAGAZETTE

12-Apr	Lebih 18 tan makanan dikumpul di bazar Ramadan	https://www.sinarharian.com.my/article/254053/berita/nasional/lebih-18-tan-makanan-dikumpul-di-bazar-ramadan	SH
12-Apr	MYSaveFood Ramadan: Over 18 tonnes of food, drink saved, distributed to needy nationwide, says Fuziah	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/04/11/mysavefood-ramadan-over-18-tonnes-of-food-drink-saved-distributed-to-needy-nationwide-says-fuziah/64329	MALAYMAIL
12-Apr	MYSaveFood Ramadan: Over 18 tonnes of food, drink saved	https://selangorjournal.my/2023/04/mysavefood-ramadan-over-18-tonnes-of-food-drink-saved/	SELANGORJOURNAL
12-Apr	KPDN Sandakan adakan pertemuan dengan peniaga dan pemborong ayam	https://tvstv.my/2023/04/11/kpdn-sandakan-adakan-pertemuan-dengan-peniaga-dan-pemborong-ayam/	TVSTV
12-Apr	KPDN Pulau Pinang sita peralatan karaoke bernilai RM114,000	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-pulau-pinang-sita-peralatan-karaoke-bernilai-rm114-000-415059%3famp=1	ASTROAWANI
12-Apr	KPDN rampas 32,000 karya muzik salinan langgaran di pusat karaoke	https://www.buletintv3.my/jenayah/kpdn-rampas-32000-karya-muzik-salinan-langgaran-di-pusat-karaoke/	BULETINTV3
12-Apr	Six men nabbed with subsidised diesel worth more than RM500k	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/04/12/six-men-nabbed-with-subsidised-diesel-worth-more-than-rm500k	THESTAR
12-Apr	Six nabbed in Kedah with subsidised diesel worth more than RM500,000	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2180822	BERNAMA
12-Apr	KPDN P.Pinang rampas karya muzik disyaki salinan langgaran bernilai rm114,000	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2180882	BERNAMA